

**TEKS UCAPAN
YB DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA
BAGI BULAN JANUARI 2014**

PADA

**23 JANUARI 2014
(KHAMIS)**

BERTEMPAT DI

**DEWAN TAN SRI MAHFUZ KHALID
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Rosnah Bte Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Datuk Himmat Singh

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBrs. Encik Sarani bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

YBrs. Encik Zainudin bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

YBhg. Dato' Ir. Mohd Noor bin Yaakob

Ketua Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan agensi,

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan inayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi yang mulia ini dalam semangat dan azam baru sempena tahun baru iaitu tahun 2014. Di kesempatan ini masih belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat tahun baru 2014 kepada semua warga KKR dan sama-sama lah kita mananam azam supaya tahun 2014 ini akan menjadi landasan utama untuk lebih berintergriti dalam melaksanakan sebarang tugas yang di amanahkan.
2. Sektor pembinaan dilihat sebagai salah satu sektor yang mampu memberikan sumbangan signifikan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara seperti yang tertera di dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dan Program Transformasi Nasional. Justeru, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diperuntukkan sebanyak RM3,439 juta bagi melaksanakan 300 projek pembangunan pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3,411 juta atau 99.2% telah pun berjaya dibelanjakan. Daripada 300 projek tersebut, sebanyak 117 projek (39.0%) telah berjaya disiapkan manakala 183 projek (61.0%) lagi sedang dalam pembinaan. Daripada 183 projek yang sedang dalam pembinaan, 9 projek (3%) adalah lewat jadual manakala 4 projek lagi (1.3%) merupakan projek sakit. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga Kerja Raya yang telah bersama-sama menyumbang dalam pencapaian ini. Walaupun peratusan projek sakit ini hanyalah 1.3%, namun saya berharap agar bilangan projek sakit ini dapat dikurangkan lagi untuk Tahun 2014.

AMANAT PERDANA MENTERI

3. Seterusnya, saya ingin mengajak hadirin yang dihormati sekalian untuk bersama-sama mengambil iktibar daripada amanat YAB Perdana Menteri di Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 6 Januari yang lalu. YAB Perdana Menteri telah menceritakan senario dunia sekarang, di mana kita dapat lihat bahawa kawasan-kawasan tertentu menghadapi masalah ekonomi yang agak kritikal seperti di kawasan Euro Zone, Jepun, China, Brazil, Rusia dan India, yang mana turut menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang agak serius.
4. Oleh yang demikian, bagi menangani cabaran ekonomi ini, sesebuah negara perlu melakukan “*reforms*” kepada ekonomi mereka. *Reforms* dalam erti kata *structural reform* serta *reforms* dari segi dasar yang lebih tepat dan yang dikemaskini dari semasa ke semasa. Kalau ini merupakan keadaan yang dihadapi oleh seluruh dunia, tentu sekali Malaysia tidak ada kelainannya.
5. Jadi, jika Malaysia tidak sanggup untuk melakukan perubahan, *structural* atau *strategic reforms*, kita akan mengalami keadaan di mana ekonomi Malaysia akan tumbuh perlahan dan kita tidak mungkin dapat mencapai kadar pertumbuhan 5 hingga 6 peratus yang dihasratkan oleh kita. Sebab itu, dalam tahun 2014 ini dan tahun-tahun yang akan datang, Kerajaan akan meneruskan Dasar Transformasi Negara. Matlamat utama kita adalah jelas untuk mencapai status negara maju dalam tempoh masa yang semakin pendek.

6. Malaysia sebenarnya tidak mampu untuk lari dari landasan ini dan perubahan ini perlu kita lakukan dengan mengambil kira juga pandangan dan hasrat Kerajaan supaya tidak melaksanakan sesuatu yang membebankan rakyat. Apa juga dasar kita, umpamanya melakukan rasionalisasi subsidi, bukan bererti bahawa kita menghapuskan subsidi secara mengejut. Tidak ada negara di dunia di mana peruntukan pembangunan ialah sebanyak RM49 bilion, subsidi dan insentif ialah RM42 bilion. Keadaan ini dalam satu segi mencerminkan kerajaan memang prihatin kepada beban rakyat, tetapi keadaan seperti ini tidak boleh kita teruskan sebab tidak “*sustainable*”.
7. Cuma cara kita mengurangkan beban ini atau mengurangkan subsidi ini mestilah secara berperingkat-peringkat dan mana yang boleh kita lakukan untuk menolong pelbagai golongan, seperti mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah serta penjawat-penjawat awam, kita perlu lakukan dan kita mesti lakukan.
8. Di samping itu, YAB Perdana Menteri juga mengingatkan kita bahawa sebagai sebuah Negara, Malaysia ini mempunyai banyak keunikan. Tentu sekali perkara yang selalu kita sebut ialah “*multiculturalism*”, “*multi-religious society*” dan “*multi-lingual society*”, ini kekal dalam keadaan yang aman dan harmoni. Keadaan ini perlu kita beri perhatian supaya tidak ada isu yang berbangkit dari masa ke semasa yang boleh menggugat keadaan yang selama ini kita telah kecapi, yang selama ini Malaysia telah pun terkenal di seluruh dunia.

9. Jadi apabila ada sesuatu isu yang berbangkit, kita harus tanganinya bukan dengan perasaan dan emosi, tetapi dengan kematangan dan ketenangan berdasarkan pada penyelesaian yakni berasaskan kepada “*rule of law*” dan “*dialogue engagement*” dengan semua pihak. Bila kita boleh duduk semeja, bincang dan cari penyelesaian, saya percaya kita dapat mengurangkan sebarang ketegangan yang boleh timbul atas apa-apa isu yang boleh berbangkit dari masa ke semasa.

11 LANGKAH PENJIMATAN KERAJAAN

10. Mengambil kesempatan ini saya juga ingin meng-*highlight*-kan pendekatan 11 langkah penjimatan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Warga Kerja Raya hendaklah peka dan bersama-sama menyahut seruan langkah penjimatan tersebut. Ini termasuklah pengurangan kos tenaga elektrik di semua jabatan kerajaan sebanyak lima peratus; mengoptimuman penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi kegunaan sebagai pejabat; memperketatkan peraturan pelantikan juru perunding dan memotong elaun tol serta imbuhan tetap keraian menteri dan kategori tertentu penjawat awam. Warga Kerja Raya juga perlu komited untuk menangani rasuah, mengurangkan pembaziran kerajaan dan meningkatkan perolehan di mana semua tender kerajaan diletakkan dan diuruskan di atas talian agar ia menjadi lebih telus.

11. Langkah berjimat cermat ini hendaklah dilaksanakan secara berterusan dan dijadikan amalan harian supaya ia tidak hanya wujud

secara bermusim. Perkara ini turut telah ditekankan semasa Majlis Amanat Ketua Setiausaha Negara pada 20 Januari 2014.

12. Antara intipati amanat Ketua Setiausaha Negara yang ingin saya kongsikan adalah berkenaan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam”. Konsep ini telah diperkenalkan bagi mewujudkan sebuah Perkhidmatan Awam yang unggul berteraskan kepada enam (6) prinsip utama seperti berikut :

- Keterbukaan – bermaksud mengamalkan minda terbuka dan sentiasa mudah untuk didekati oleh pelanggan yang memerlukan khidmat kita;
- Turun Padang – bermakna sentiasa pasang telinga dan buka mata seluas-luasnya untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pelanggan;
- Musyawarah – bermaksud memperhebatkan lagi penglibatan kita dengan pelanggan menerusi *engagement* serta memberi penerangan dengan jelas terhadap mereka;
- Insaniah – bermakna setiap penjawat awam harus menyeimbangkan antara kehidupan rohani dan kesihatan jasmani dalam cara kita bekerja;
- Kekitaan – bermaksud meraikan perbezaan sumber dan mengukuh persamaan; dan
- Kerjasama Awam, Swasta dan NGO – bermakna memperkasakan lagi perkongsian sumber dengan mengadakan kolaborasi dengan mereka dan sentiasa berusaha mencapai permuafakatan.

INTERGRITI/LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Seperkara lagi yang ingin saya sentuh adalah sebagai penjawat awam yang ingin melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang dalam kerjaya, kita harus bijak mengurus tanggungjawab, tugas dan amanah serta dengan tegas dan berkesan mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditangani dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti. Budaya etika dan integriti adalah selaras dengan cabaran Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang bermoral dan berintergriti dalam melaksanakan tugas-tugas dengan mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012 dan 2013 dapat dilihat masih berlaku ketirisan dalam pelaksanaan tugas yang berkait rapat dengan perbelanjaan kewangan dalam sesebuah kementerian/ organisasi/ jabatan. Kerajaan memandang serius terhadap keadaan ini dan mengambil tindakan untuk memperbaiki dan membetulkan ketirisan dan pembaziran yang berlaku. Justeru, penjawat awam haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu mesti ada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang dengan lebih mementingkan tanggungjawab dan amanah.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada semua warga Kementerian ini supaya mengeratkan kerjasama, persefahaman dan menggembungkan tenaga dalam merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat. Ini adalah kerana kita mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan negara kita berada di atas landasan yang tepat dalam melaksanakan aspirasi nasional. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina kepada rakan-rakan kita yang menyambutnya. Berhati-hati di jalanraya ketika pulang ke kampung dan raikanlah dengan semangat 1Malaysia.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.